

CELOTEH EDITORIAL

Oleh Pn Yau'Mee Hayati Hj Mohamed Yusof



Ketika edisi 19 diterbitkan, semester sudah pun berakhir, kami pasti ramai di antara pensyarah sudah habis menyelesaikan urusan pemarkahan pelajar. September 2020 bakal menjelang tiba dimana hari istimewa rakyat Malaysia keseluruhannya akan disambut iaitu Hari Malaysia. Di kesempatan cuti semester ini juga, pihak editorial percaya ramai di antara kita akan memecutkan larian untuk menyudahkan KPI tahunan masing masing. Insya Allah kami membuka seluas luas ruang untuk penulis penulis hebat di luar sana menghantar artikel bertemakan usahawan kepada pihak kami selewat-lewatnya sehingga 9 November 2020..Anda semua penulis yang HEBAT!. Jumpa anda sekali lagi dalam edisi akan datang,Insya Allah. Sehingga itu, jaga diri dan kesihatan, kerana kita masih belum selamat dari ancaman COVID 19. **SELAMAT HARI MALAYSIA !**

Keusahawanan
Sosial

FAMA memperkasa usahawan tani

Fazidah Rosli^{1*}, Nur Masriyah Hamzah¹, Tengku Halimatun

Sa'adiah T Abu Bakar²

¹Faculty of Plantation & Agrotechnology, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, Jengka, Pahang

²Faculty of Agro-Based Industry, Universiti Malaysia Kelantan, Jeli, Kelantan



FAMA atau Lembaga Pemasaran Pertanian merupakan sebuah agensi pemasaran di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. FAMA bertanggungjawab dalam pemasaran produk agromakanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta produk-produk industri asas tani. FAMA memastikan produk-produk ini tersedia dan boleh diperolehi pada harga yang mampu dibayar oleh pengguna. Antara objektif utama penubuhan FAMA adalah merealisasikan Wawasan Negara dan Dasar Pertanian Negara untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama makanan dunia melalui kecekapan dan keberkesanan produk pertanian dan makanan.

Sektor pertanian antara yang terkesan akibat krisis pandemik Covid-19. Permintaan pukal terhadap produk pertanian merudum daripada pelbagai sektor serta gangguan rantaian bekalan global sedikit sebanyak merencatkan ekonomi sektor pertanian. Ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh kerajaan, para petani tempatan juga turut terjejas dalam menjual hasil pertanian mereka. Terdapat di antara mereka yang terpaksa membuang hasil pertanian mereka yang tidak terjual, manakala ada yang terpaksa menggunakan media sosial sebagai alternatif pemasaran.

Bagi menjamin bekalan makanan mencukupi, kelangsungan sektor pertanian perlu diberi perhatian serius. Antara langkah proaktif yang telah dijalankan sepanjang tempoh PKP antaranya jualan hasil pertanian menerusi Pasar Segar Terkawal. Sebanyak 144 lokasi outlet Pasar Segar Terkawal akan beroperasi bagi memastikan kelangsungan bekalan serta mempercepatkan pengedaran makanan. Kon-

FAMA bertanggungjawab dalam pemasaran produk agromakanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan serta produk-produk industri asas tani.

FAMA memastikan produk-produk ini tersedia dan boleh diperolehi pada harga yang mampu dibayar oleh pengguna.



FAMA menerusi platform Agrobazar Rakyat (ABR), Agrobazar Kedai Rakyat (AKR) dan Pasar Tani Kekal (PTK) mengatur jualan pelbagai produk pertanian. Platform yang diwujudkan ini dapat memberi peluang kepada penduduk setempat membeli dan menjual hasil-hasil pertanian serta Produk Industri Asas Tani yang diusahakan oleh penduduk setempat.

sep jualan dan pengedaran di outlet peruncitan terpilih ini membabitkan jualan barangan segar seperti sayur-sayuran, buah-buahan, ayam, ikan, daging, barangan runcit serta barangan asas tani. Pasar Segar Terkawal ini dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan bagi mengekang penularan wabak Covid-19.

Selain itu, FAMA menerusi platform Agrobazar Rakyat (ABR), Agrobazar Kedai Rakyat (AKR) dan Pasar Tani Kekal (PTK) mengatur jualan pelbagai produk pertanian. Platform yang diwujudkan ini dapat memberi peluang kepada penduduk setempat membeli dan menjual hasil-hasil pertanian serta Produk Industri Asas Tani yang diusahakan oleh penduduk setempat.

Selain itu, FAMA turut memfokuskan pengedaran bekalan makanan yang berkesan sepanjang tempoh PKP dengan memperkemaskan konsep jualan secara atas talian melalui portal Agrobazaar 'online' dan 'offline' melalui rangkaian outlet pemasaran terpilih. Platform atas talian seperti ini dapat memudahkan pengguna mendapatkan bekalan dengan kualiti terjamin tanpa risau dengan situasi semasa terutamanya semasa dalam tempoh PKP. Pelanggan boleh melayari portal Agrobazaar 'online' untuk membuat pesanan awal dan bayaran dibuat terus secara atas talian. Agrobazaar 'online' dijangka akan menjadi norma baharu dikalangan masyarakat Malaysia pada masa akan datang. Platform Agrobazaar 'online' dapat menggalakkan lebih ramai petani dan usahawan tani memasarkan hasil serta produk pertanian mereka, seterusnya dapat menjimatkan kos operasi serta memiliki pasaran yang lebih luas.

Covid-19 bukan sahaja memberi impak kepada sektor pertanian, malahan kesannya dapat dirasakan dari pelbagai sektor antaranya yang turut terjejas adalah sektor pelancongan, perhotelan, perindustrian, pembinaan dan banyak lagi. Namun begitu, dengan pelbagai insentif yang diperkenalkan oleh kerajaan serta usaha petani sendiri dapat menjamin

kelangsungan rantai makanan di Malaysia. Selain FAMA yang proaktif dalam membantu pemasaran hasil para petani, inisiatif termasuk kemu-dahan pinjaman serta suntikan dana dapat memanfaatkan golongan petani dan perusahaan kecil dan sederhana. Semoga dengan insentif dan bantuan dana yang disediakan oleh kerajaan ini dapat membantu semua golongan yang terkesan akibat wabak covid-19 ini.

Rujukan:

- Ahmad Ashraf Shaharudin. Melindungi sektor pertanian mendepani krisis Covid-19. 3 April 2020. Retrieved from <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid-19-sektor-pertanian-dan-jaminan-bekalan-makanan-236614>
- Mohamed Farid Noh. Covid-19: FAMA Johor bantu petani terjejas. 6 April 2020. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/673636/covid-19-fama-johor-bantu-petani-terjejas>
- Mohd Rafi Mamat. FAMA bantu pekebun beli hasil pertanian. 25 Mac 2020. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/558427/fama-bantu-pekebun-beli-hasil-pertanian>
- Noorazura Abdul Rahman. FAMA buka pusat gerakan. 2 April 2020. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/561565/fama-buka-pusat-gerakan-metrotv>